

Jangan salahkan takdir jika miskin

KUALA LUMPUR, Isnin — Golongan yang mendakwa kemiskinan umat Islam adalah ditakdirkan untuk menguji keimanan, sebenarnya ingin menyalahkan Tuhan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau berkata, golongan itu berbuat demikian kerana mereka tidak berusaha dan hanya ingin memberi alasan terhadap kegagalan mereka menunaikan janji.

"Orang Islam yang rajin, tabah, sabar dan berusaha ber-sungguh-sungguh serta gigih mengatasi masalah mereka, adalah orang yang percaya dan beriman kepada Tuhan.

"Kemiskinan akan membawa kepada kekufuran. Justeru itu, sebarang usaha mencari kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia adalah usaha menjauhkan diri daripada kekufuran.

"Ia juga akan menyelamatkan kita daripada dikongkong oleh orang politik yang memeralatkan Islam," katanya sewaktu menyampaikan amanat Hari Pekerja di Stadium Negara, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berusaha ke arah kejayaan bagi pekerja Islam adalah sebahagian daripada

ibadat dan bukti keimanan. Justeru itu, pekerja Islam mestilah membuktikan bahawa mereka boleh mencapai kejayaan seperti orang lain.

"Kejayaan sebuah negara yang menerima Islam sebagai agama rasmi, yang mempunyai penduduk majoriti Islam dan sebahagian besar pemerintahannya dianggotai oleh orang Islam, akan menghapuskan kepercayaan bahawa orang Islam tidak mungkin berjaya sendiri dan terpaksa meminta dari orang lain walaupun untuk mempertahankan diri," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, asas pemikiran sosialis dan komunis seperti Karl Marx yang menekankan pentingnya masyarakat pekerja bersatu melawan majikan untuk melepaskan diri daripada penindasan, tidak wujud lagi.

Katanya, syurga pekerja yang dijanjikan oleh komunis juga tidak menjadi kenyataan walaupun di Russia, tempat pemerintahan komunis berkuasa selama 70 tahun.

"Tujuan Marx ialah menggantikan kepercayaan kepada Tuhan dengan kepercayaan kepada dirinya dan teori ekonominya. Dengan itu, ia ber-

harap akan dapat membangkitkan pemberontakan pekerja terhadap majikan dan pemerintah dan memberi kemenangan kepada penganut ideologinya.

"Sosialis mungkin tidak begitu keras dengan cara mereka tetapi matlamat mereka adalah sama, iaitu menggunakan kebencian pekerja terhadap majikan dan pemerintah untuk memberi kuasa kepada parti sosialis," katanya.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr Mahathir, rakyat Malaysia bernasib baik kerana percubaan komunis merebut kuasa gagal, manakala negara berjaya mengamalkan sistem demokrasi yang memberi kuasa kepada pekerja, sebagai golongan terbesar, memelihara nasib mereka melalui undi.

"Sistem kapitalis tidak wujud di negara ini. Yang wujud ialah sistem pasaran terbuka dan bebas di mana kepentingan pekerja bukan sahaja dipelihara melalui undi, tetapi juga mereka diberi hak untuk membentuk kesatuan sekerja yang boleh bertindak terhadap majikan dan kerajaan jika ketidakadilan berlaku terhadap mereka," katanya.